

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA

TUJUAN

1. Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan kepada Fakulti/Institut/Pusat mengenai kemudahan tempat letak kereta untuk kakitangan UKM.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Pendaftar telah mengeluarkan Pekeliling mengenai kemudahan tempat letak kereta untuk kakitangan UKM melalui Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2002. Beberapa penyesuaian dan langkah baru perlu dilaksanakan untuk memperkemaskin lagi polisi kemudahan tempat letak kereta kakitangan UKM selaras dengan perkembangan semasa.

KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA KAKITANGAN UKM

3. Kemudahan tempat letak kereta bagi kakitangan UKM adalah seperti berikut:
 - 3.1 Pihak Universiti menyediakan tempat letak kereta bagi semua kakitangan UKM;
 - 3.2 Zon kawasan letak kereta akan dibahagikan kepada Zon Umum (kakitangan/pelawat/pelajar) dan Zon Kakitangan (khusus untuk kakitangan). Papan tanda diletakkan di zon berkenaan sebagai panduan kepada pengguna kenderaan. Bahagian Keselamatan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan penggunaan zon letak kenderaan berkenaan;
 - 3.3 Penyandang jawatan pentadbiran dan pegawai universiti diberi kemudahan tempat letak kereta khas seperti di Lampiran 1;
 - 3.4 Dekan/Pengarah tidak meletak kenderaan di Foyer bangunan masing-masing dan tempat tersebut digunakan untuk laluan keluar masuk dan tempat letak kenderaan untuk tetamu yang cacat sahaja;
 - 3.5 Pengetua dan Timbalan Pengetua tidak disediakan kemudahan tempat letak kereta di Fakulti/Institut/Pusat kerana telah disediakan di kolej masing-masing;
 - 3.6 Profesor yang menyandang jawatan pentadbiran diperuntukkan satu tempat letak kereta khas atas jawatan pentadbiran sahaja;

- 3.7 Kakitangan akademik yang menjawat jawatan pentadbiran di Fakulti/Institut/Pusat lain tidak diperuntukkan tempat letak kereta khas atas jawatan pentadbiran tersebut di Fakulti/Institut/Pusat asalnya.

PEMATUHAN GARIS PANDUAN

4. Semua kakitangan UKM wajib mematuhi Garis Panduan Polisi Kemudahan Tempat Letak Kereta Untuk Kakitangan UKM selagi ianya diguna pakai.

TARIKH BERKUATKUASA

5. Garis Panduan ini berkuatkuasa serta-merta mulai pada tarikh ianya dikeluarkan dan Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2002 adalah dengan ini dibatalkan.

PEGAWAI YANG DIBERIKAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA

KATEGORI	JAWATAN
Ketua Pegawai Eksekutif	Naib Canselor
Pengurusan Tertinggi	Timbalan Naib Canselor
Pentadbiran/Perkhidmatan	Pendaftar Bendahari Ketua Pustakawan Pengarah/Ketua/Pusat Perkhidmatan Pengetua Kolej
	Timbalan Pendaftar Timbalan Bendahari Timbalan Ketua Pustakawan Timbalan Pengarah/Timbalan Ketua/Pusat Perkhidmatan Pengurus UnikWeb Ketua Editor Jurnal Timbalan Pengetua Kolej Pegawai Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 Ketua Pengurusan Kualiti
	Kenderaan UKM
Fakulti/Institut/Pusat	Dekan Pengarah
	Timbalan Dekan Timbalan Pengarah Professor Pengerusi Pusat Pengajian Ketua Jabatan Ketua Program Ketua Unit Ketua Editor Jurnal Penyelaras (lantikan oleh pihak universiti) Pengarah/Pengerusi/Ketua Pusat Kecemerlangan di Fakulti/Institut Ketua Pengurusan Kualiti Pegawai Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 Penolong Pendaftar N41/N44/N48/N52
	Kenderaan UKM